



## Ikrar Global Parkinson

Kami, ahli masyarakat Parkinson global seperti yang bertandatangan di bawah;

- mengalu-alukan pencapaian WPC 2010 dalam menyatukan satu kumpulan yang terbesar dan terpelbagai, yang terdiri daripada penjaga dan pesakit Parkinson, saintis dan profesional kesihatan lain, samada rasmi dan organisasi bukan kerajaan (NGO), yang pernah membincangkan dan menyiasat penyakit Parkinson dan isu-isu yang berkaitan dengan kehidupan yang dialami oleh pesakit Parkinson;
- mengakui dengan hormat dan menghargai akan kepentingan dan keaslian Pengisytiharan Global Penyakit Parkinson, yang dimulakan di Geneva, Switzerland pada Mei 26-27, 1997 oleh pihak pasukan kerja daripada Organisasi Dunia Kesihatan (WHO) mengenai Penyakit Parkinson, yang kemudiannya ditandatangani oleh wakil WHO daripada enam pelusuk;
- mempercayai bahawa Deklarasi Global menyediakan satu asas yang kukuh bagi menjana dan membina aspirasi untuk komuniti Parkinson, di seluruh dunia, termasuk menyeru kerajaan dan institusi pembiayaan swasta untuk menekankan komitmen untuk (i) menyokong sains yang akan membawa kepada penemuan penawar dan (ii) menyediakan penjagaan yang dapat menjamin kualiti hidup yang terbaik bagi orang-orang yang bertarung dengan Parkinson;
- mengiktiraf bahawa Parkinson adalah salah penyakit neurodegeneratif yang amat teruk di dunia pada ketika ini, yang boleh menyebabkan gangguan sosial dan melibatkan kos yang amat tinggi, dan bahawa orang-orang yang mengalami penyakit ini bakal menghadapi cabaran yang serius dari segi pergerakan dan fungsi lain yang bakal beransur teruk dengan penyakit yang berterusan;
- mengetahui bahawa Parkinson melibatkan kos sosial dan ekonomi yang tinggi bagi individu, keluarga, masyarakat, dan negara – iaitu kos yang tidak dapat dielakkan dan yang sememangnya pasti meningkat pada dekad dekad yang akan datang, terutamanya dengan peningkatan umur penduduk dunia;
- mempercayai bahawa kemajuan saintifik dicapai setakat ini, dan kemajuan lain yang mungkin dapat dicapai pada masa akan datang daripada pelaburan di dalam bidang neurosains dalam tempoh beberapa tahun akan datang, dapat menyediakan asas yang kukuh dalam pengurusan Parkinson, dan untuk pengukuhan prospek kita untuk mendapatkan satu penawar.

Oleh itu, kami menyeru kerajaan, agensi-agensi kesihatan di dalam sistem Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), dan organisasi bukan kerajaan (NGO) yang berorientasikan pesakit di seluruh dunia untuk:

- meningkatkan pelaburan dalam memajukan asas dan aplikasi neurosains, khususnya sains penyakit Parkinson, bagi mengenal pasti sebab-sebab, bagi mendapatkan rawatan yang lebih baik untuk pengawalan simptom dan pengubahsuaian penyakit, dan akhirnya, untuk mencari penawar;
- menggalakkan secara aktif inovasi dan kerjasama di kalangan institusi akademik dan penyelidikan dan sektor komersil, supaya pelaburan wang digunakan dengan efektif, dan kemajuan saintifik dapat diterjemahkan dengan segera kepada rawatan-rawatan;
- menggalakkan dan mendidik orang ramai yang menghidap Parkinson, ahli keluarga dan penjaga Parkinson supaya terlibat secara aktif dalam masyarakat Parkinson, dan memberi sumbangan dan menggunakan pengetahuan khusus mereka, pengalaman, dan mendesak agenda Parkinson ke seluruh dunia;
- menggunakan semua sumber yang ada – termasuk kerajaan, penguatkuasa dan organisasi bukan kerajaan dan organisasi lain – untuk lebih memahami keperluan orang-orang mengalami penyakit kronik, degeneratif, keadaan neurologi mereka dan ahli keluarga dan penjaga mereka, dan menggunakan pengetahuan itu untuk mengukuhkan dan memperbaiki sistem rawatan, penjagaan dan sokongan yang bersepadu;
- melaburkan perhatian dan sumber yang khusus kepada keadaan negara yang sedang membangun, di mana keperluan rakyat dengan masalah kronik seperti Parkinson sering diketepikan oleh saingan daripada keperluan perkhidmatan kesihatan dan sosial yang lain, dan di mana sumber yang ada adalah terlalu asas dan keselaluannya tidak mencukupi untuk tugas yang diperlukan.

Tambahan pula, kita meraikan momentum yang dicipta oleh Kongres Parkinson Sedunia dan memberi komitmen kita untuk bekerjasama bagi membina satu pergerakan Parkinson global, yang direka untuk meningkatkan penyakit Parkinson sebagai satu bidang tujahan dalam bidang kesihatan, isu sosial dan ekonomi di seluruh dunia. Sebagai langkah pertama, kami melancarkan rangkaian komunikasi global Parkinson bagi meningkatkan kerjasama dan jaringan antara NGO berkaitan Parkinson's di seluruh dunia.